

MAHATHIR - ULAMAK

1983

TELUK INTAN, 27 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENGGELAR DIRI MEREKA SEBAGAI ULAMAK TETAPI BERTINDAK BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN MASYARAKAT ISLAM.

GOLONGAN INI MERUPAKAN SEKUMPULAN ORANG YANG TIDAK SABAR UNTUK MENJADI PEMIMPIN HINGGA BANGGUP MENJATUHKAN KETUA MEREKA SENDIRI DAN MENDAKWANYA SEBAGAI BUKAN ULAMAK. KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN HILI PERAK, TELUK INTAN DAN BAGAN DATOH DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ULAMAK DARI PARTI ITU PASTI DATANG KE KAWASAN KENERING UNTUK BERKEMPEN DI KAWASAN ITU UNTUK MENGELIRUKAN ORANGRAMAI BAHAWA KERAJAAN YANG DIPIMPIN OLEH UMNO DAN BARISAN NASIONAL ITU TERLALU MEMENTINGKAN ASPEK KEBENDAAN.

+TETAPI SIAPAKAH ULAMAK-ULAMAK INI?+ TANYA BELIAU.

MENURUTNYA ADA YANG BARU PULANG DENGAN IJAZAH UNDANG-UNDANG DARI LONDON PUN DIGELAR ULAMAK.

--LAGI. 1520/WS

ZCZC B568

MAHATHIR - ULAMAK 2 TELUK INTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI UMAT ISLAM ULAMAK YANG MEREKA KENAL IALAH BUKAN YANG MENGGELAR DIRI MEREKA SENDIRI SEBAGAI ULAMAK.

ULAMAK IALAH SEORANG TOKOH AGAMA YANG BUKAN SAHAJA BERPENGETAHUAN MENDALAM DALAM SOAL-SOAL AGAMA TETAPI TELAH LAMA BERDAMPING DENGAN MASYARAKAT MEMBERI BIMBINGAN KEPADA MEREKA DALAM MASALAH AGAMA.

TETAPI ULAMAK DARI PARTI TERSEBUT BERLAINAN, KATANYA MEREKA MAHU KUASA DAN MAHU SEGALA HAL DIRUJUK KEPADA MEREKA, TAMBAHNYA.

+SAYA TIDAK MEMIHAK KEPADA PEMIMPIN LAMA PARTI ITU,+

KATA DATUK SERI MAHATHIR TETAPI BELIAU HAIRAN DENGAN TINDAK-TANDEK +GOLONGAN ULAMAK ITU+ YANG TIDAK SABAR UNTUK MEREKUT KUASA.

DALAM UMNO, TIDAK ADA PEREBUTAN PUCUK PIMPINAN DAN SEORANG PEMIMPIN APABILA UZUR MENGUNDUR DIRI.

UMNO TIDAK PERNAH MEMBELAKANGKAN AGAMA DALAM MENTADBIRKAN NEGARA INI YANG PENDUDUKNYA TERDIRI DARI RAKYAT BERBILANG KAUM DAN AGAMA.--LAGI. 1525/WS

ZCZC B569

MAHATHIR - ULAMAK 3 TELUK INTAN

KATANYA ISLAM SENDIRI MENUNTUT KEADILAN UNTUK SEMUA RAKYAT KAUM DAN AGAMA SUPAYA DAPAT MENGECEP KEMAKMURAN APABILA NEGARA TERUS DALAM KEADAAN STABIL DAN AMAN.

MENTERI BESAR, ENCIK RAHLI BIN NGAH TALIB DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU MENYERU PARA PEMIMPIN DARI BAHAGIAN-BAHAGIAN TERSEBUT PERGI KE KENERING UNTUK MEMBANTU BARISAN NASIONAL MENGEKALKAN KERUSI DEWAN NEGERI TERSEBUT.

PILIHANRAYA KECIL ITU, YANG DIADAKAN BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN BEKAS MENTERI BESAR DATUK SERI WAN MOHAMAD BIN WAN TEH, MENJADI REBUTAN ANTARA BN DENGAN PAS.

--BERNAMA. 1528/WS